

More

Create blog Sign In

# Parti Sosialis Malaysia Semenyih

Pusat Khidmat Rakyat PSM cawangan Semenyih & ahli majlis kawasan Semenyih.

Berkhidmat kepada penduduk Kajang, khususnya di sekitar kawasan Semenyih. Kebajikan rakyat diutamakan.



Monday, April 23, 2012

## Pekerja Ladang Bangi buat aduan terhadap 3 syarikat



### Hubungi Kami (Contact)

#### EMAIL

psmsemenyih@gmail.com

#### TEL

**03-87237791**

012-3797310

019-2612259

#### WAKTU OPERASI

Isnin: 10 am -6 petang

Perjumpaan bersama Sdr Arul setiap hari Selasa selepas 12 pm

### Facebook



PSM Semenyih

662 likes

Like Page

Be the first of your friends to like this

### Twitter



#### ADUAN POLIS BANGI/000780/12

Tarikh : 23 April 2012

Aduan terhadap :

- 1) Trans Loyal Development Sdn. Bhd.
- 2) I & P Group Sdn. Bhd.
- 3) Seriemas Development Sdn. Bhd.

Aduan dibuat Oleh : Masyarakat Ladang Bangi, Ladang bangi

#### ADUAN DIBUAT KERANA :

1. Khuatir Proses pengusiran paksa penduduk Ladang Bangi dibuat tanpa melalui proses mahkamah
2. Pencerobohan kawasan sekitar perumahan Masyarakat Ladang Bangi yang boleh mengancam kehidupan, kesihatan dan kehormanian penduduk setempat
3. Ancaman Masalah Alam Sekitar seperti Hakisan, tanah runtuh dan banjir
4. Khuatir pemaju membuat aduan polis palsu dan memasang gangster
5. Pemaju sering bertukar tangan

Ladang Bangi telah wujud untuk lebih seratus tahun dan kini generasi keempat menetap di ladang ini. Hari ini ada 25 orang bekas pekerja ladang yang masih menetap di ladang ini. Ladang ini telah tamat operasi pada tahun 2000. Sejak itu, rumah alternatif tetap teres belum dibina. Pada tahun 2007, Pejabat Daerah Kajang bersama pihak Tuan Tanah telah mengadakan mesyuarat dengan wakil-wakil ladang dan berjanji untuk membina sebanyak 44 buah rumah dan sebuah kuil di Bangi untuk penduduk ladang tetapi sehingga hari ini, ia masih belum dilaksanakan.

Pada 21/7/2009, YB Xavier Jayakumar selaku Exco kerajaan Negeri Selangor yang bertanggungjawab isu perumahan ladang telah mengaturkan satu perjumpaan dengan pihak pemaju dan Tuan Tanah. Dalam mesyuarat tersebut, En. Faizal dari Sime Darby mengesahkan tentang tawaran perumahan kos rendah yang dibuat pada tahun 2007. Dalam satu lagi mesyuarat di pejabat Exco pada 3/12/2009 yang dihadiri oleh Sime Darby dan NUPW, dimana Sime Darby telah berkata pemilik tanah adalah INP anak syarikat PNB. Sime Darby hanya menguruskan sahaja. Semasa satu lagi mesyuarat dengan Tuan ladang, pada 2/8/2010, pihak I & P terus mengakui mereka adalah Tuan tanah yang sah dan tidak ada

#### Tweets by @PSMENYIH12



PSM Semenyih

@PSMENYIH12

Governor, Bank Negara Malaysia: Bank Negara Malaysia reinstate Kohila ! STOP Workplace Victimization secure.aaz.org/en/petition/Go...

GST Abolished! B...

Kohila was sacked f...  
secure.aaz.org

Jul 18, 2018

PSM Semenyih Retweeted



GST JERIT

@JERIT02

Roadshow ke semua kawasan Industri. Bermula di Selangor pada Ogos ini. Sertai kami dalam kompas monastut

Embed

[View on Twitter](#)

#### **Sumbangan Tabung Perjuangan Rakyat**



Hong Leong Bank - 20100019070

#### **CUKAI GST: CUKAI YANG MISKINKAN RAKYAT**

sebarang cadangan untuk membangunkan kawasan perladangan ini.

Namun kekhutiran timbul apabila memberitahu Exco kerajaan, pada 17-3-2010, pihak Pemaju Tetuan Trans Loyal Development Sdn. Bhd. Cuba membangunkan tanah dengan memohon kebenaran merancang. Namun demikian, pihak Pemaju diminta dalam mesyuarat OSC MPKj untuk menyelesaikan isu perumahan Masyarakat Bangi dahulu.

Namun kami berasa cukup khuatir dan cemas apabila mengetahui semasa mesyuarat Task Force Perladangan di SUK pada 13hb. April 2012 bahawa ladang ini kini sudah dijual kepada Seriemes Development Sdn. Bhd. pada tahun lalu. Kami juga difahamkan bahawa urusan permohonan ELB (Estate Land Board) sudahpun selesai. Setahu pengetahuan kami, permohonan ELB ini masih belum diluluskan dan andaikata jika ia telah diluluskan, kami ingin menegaskan bahawa ia telah dibuat dengan cara penipuan dan penyelewengan fakta.

Pada 5hb. April 2012, pihak penduduk telah diberitahu oleh seorang kontrakter Cina bahawa semua pokok di Ladang Bangi akan ditebang dan ditolak. Daripada siasatan penduduk, banyak pokok sudahpun ditebang dan ditolak dengan kadar yang amat cepat. Penduduk kemudian telah membuat satu aduan polis pada 6hb. April 2012 di Balai Bangi (Bangi/000678/12) dan juga memberitahu pekerja kontrakter untuk tidak membuat kerja di kawasan berdekatan dengan perumahan penduduk kerana khuatir ancaman hakisan dan sebagainya. Mereka juga meminta isu perumahan tetap diselesaikan dahulu.

Pada 10hb. April 2012, Exco kerajaan Negeri sudah mengeluarkan arahan kepada pemaju untuk menghentikan kerja-kerja tanah dan penolakan pokok. Namun demikian, pihak pemaju dan kontrakter mereka enggan memberhentikan kerja. Pada 11hb. April 2012, Pemaju terus meneruskan kerja. Pada pagi itu, jam lebih kurang 10pagi, beberapa penduduk pergi berjumpa pihak yang menolak tanah menunjukkan surat kerajaan negeri kepada seorang wakil pemaju bermama Teoh. Teoh kemudian beredar tetapi dalam masa sedikit masa pihak polis hadir dan mereka juga ditunjukkan surat yang sama.

Tetapi pada jam lebih kurang 1 tengahari, pemaju terus datang untuk membuat kerja dan kali ini mereka dating diiringi oleh dua orang anggota polis dari Bangi yang telah menyorok. Kami melihat tindakan pemaju datang bersama polis adalah satu perkara yang merungsingkan. Mengapa polis harus datang menyorok dengan pemaju dan tidak berpakaian seragam kecuali ini merupakan satu perancangan bersama dengan pemaju. Selain itu, polis sudahpun ditunjukkan surat daripada Kerajaan Negeri pemaju pada waktu pagi memberitahu arahan berhenti kerja.

Selain daripada itu, wakil pemaju pula bercakap dengan amat kasar sekali. Encik Teoh juga berkata ini adalah tanah dan ini semua adalah pokok beliau.

Pada 12hb. April, Jawatankuasa kami dipanggil ke IPD Kajang ekoran aduan yang dibuat oleh Teoh. Polis pada hari itu menyiasat aduan pemaju terhadap kami.

Kami membuat aduan ini ekoran mesyuarat kami dan nasihat yang diberikan oleh Encik Arutchelvan – Ahli Majlis Kajang dimana kami mahu pihak polis atasan menyiasat aduan kami dan kami juga khuatir jika Pemaju akan membuat aduan palsu terhadap penduduk atau menggunakan khidmat gangster untuk meneruskan kerja-kerja tanah di kawasan berhampiran perumahan penduduk.

Pada 13hb. April 2012, seorang Pegawai dari MPKJ telah melawat ladang kami dan memberitahu bahawa pihak MPKJ akan mengenakan syarat untuk memastikan keselamatan penduduk tidak terancam. Dalam satu mesyuarat dengan pihak Task Force perumahan ladang, kerajaan negeri Selangor pada hari yang sama iaitu 13hb. April 2012 yang juga dihadiri oleh pihak Pemaju Trans Loyal Development Sdn. Bhd. dan Seriemes Development Sdn. Bhd., pihak JK Task Force meminta mereka supaya tidak menjalankan lagi kerja pembangunan sehingga satu mesyuarat diadakan dengan pihak MPKJ mengenai soal keselamatan. Susulan itu, pihak Penduduk juga telah membuat satu aduan polis pada hari yang sama BANGI/000722/12.

Kami membuat aduan polis ini sekali lagi kerana kami masih mendapati bahawa pihak pemaju masih boleh menceroboh kawasan perumahan penduduk untuk membuat ujian tanah dan sebagainya. Mereka seharusnya mendapat kebenaran pihak JK penduduk jika hendak membuat sebarang kerja dikawasan berhampiran. Selain itu, pihak Tuan Tanah pula sering bertukar tangan dan ini menimbulkan kekeliruan dan kadangkala kerja dibuat oleh kontrakter upahan pemaju.

Harus juga difahami bahawa tempat perumahan bekas pekerja ladang sekarang berada di kawasan lembah dan tanah rendah berbanding dengan kawasan sekitarnya yang tanahnya

## BANTAH CUKAI GST



### Kategori

[Alam Sekitar \(1\)](#)

[BERSIH \(3\)](#)

[Kenali PSM \(3\)](#)

[Mahasiswa \(4\)](#)

[Perumahan \(5\)](#)

[Program \(2\)](#)

[PRU13 \(9\)](#)

[Videos \(3\)](#)

### Local Links

[Website PSM](#)

[Pemuda Sosialis](#)

[PSM Sg Siput](#)

[PSM Kajang](#)

[PSM Kota Damansara](#)

[PSM Cameron](#)

[PSM Jelapang](#)

[Zon 18 MBSA \(PSM\)](#)

[SUARAM](#)

[BERSIH](#)

[JERIT](#)

### Arkib Blog

► [2016 \(68\)](#)

► [2015 \(7\)](#)

► [2014 \(21\)](#)

► [2013 \(169\)](#)

▼ [2012 \(165\)](#)

[December \(2\)](#)

[October \(13\)](#)

lebih tinggi. Sebarang kerja pembangunan di kawasan sekitar, pasti akan mengancam dan memudaratkan keselamatan penduduk masyarakat ladang Bangi.

Kami juga membuat aduan polis ini kerana pihak Pemaju cuba mengusir penduduk secara paksaan tanpa melalui proses perundangan adalah satu tindakan mencabul hak perundangan. Kami juga menyifatkan kerja-kerja pembangunan Pemaju ini pada asalnya bermiat untuk mengusir kami tanpa melalui proses perundangan yang sah.

Kami mahu aduan kami disiasat oleh pihak polis secara profesional dan bertanggungjawab.

Aduan dibuat Oleh Krishnan a/l Chendermaie, Pengerusi JK Bertindak Ladang Bangi, Bangi, Kajang.

Aduan ditandatangani oleh 26 orang

[September \(30\)](#)

[August \(15\)](#)

[July \(25\)](#)

[June \(22\)](#)

[May \(14\)](#)

[April \(29\)](#)

[March \(9\)](#)

[February \(4\)](#)

[January \(2\)](#)

► [2011 \(292\)](#)

► [2010 \(317\)](#)

► [2009 \(270\)](#)

► [2008 \(69\)](#)



Posted by [PSM Semenyih](#) at [4/23/2012 03:27:00 PM](#)

## No comments:

[Post a Comment](#)

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)

Awesome Inc. theme. Powered by [Blogger](#).